

## JAWATAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11

**KUMPULAN PERKHIDMATAN: PELAKSANA**

**JADUAL GAJI : RM1,205.00 – RM2,939.00**

### **SYARAT LANTIKAN**

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**

- a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11 : RM1,205.00) atau
- b) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya ber pangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11 : RM1,205.00) dan
- c) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
  - i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46 kg bagi wanita;
  - iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - iv. mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
  - v. lulus dalam Ujian Penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf

### **Ringkasan tugas**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisyiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

**SYARAT UMUM PERMOHONAN:**

- (a) Pemohon mestilah Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- (c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan mestilah berumur tidak melebihi 50 tahun;
- (e) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.
- (f) Bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam, calon yang memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk Sijil Pelajaran Malaysia perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan berikut :
  - i. Lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan; atau
  - ii. Lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut; dan
  - iii. Memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu, sama ada Kepujian atau Lulus dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.